

D949

U 8008 AAB
MAHATHIR - PITA

KUALA LUMPUR, 23 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU TIDAK BERCADANG UNTUK MENYIARKAN MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN RAKAMAN UCAPAN PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH HENDAK +MEMBUNUH+ PAS APABILA PARTI ITU BERKUASA.

SEBALIKNYA, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU BERSEEDIA MENUNJUKKAN BUKTI MENGENAI PERKARA ITU KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA PAS SEKIRANYA MEREKA MAHUKANNYA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SEMASA MENGHADIRI HARI KELUARGA PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI, DI TAMAN TASIK PERDANA, DI SINI, KETIKA DIMINTA MENGULAS KENYATAAN YANG DIPERTUA AGUNG PAS, HAJI FADZIL NOOR DI DALAM AKHBAR HARI INI BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR BOLEH MENUNJUKKAN PITA RAKAMAN ITU KEPADA ORANG RAMAI MELALUI TELEVISYEN.

LAPORAN ITU JUGA MENYEBUT BAHAWA PAS MENGANGGAP PENDEDAHAN OLEH PERDANA MENTERI ITU SEBAGAI +PERCUBAAN KERAJAAN UNTUK MEMECAH-BELAHKAN HUBUNGAN PARTI ITU DENGAN SEMANGAT 46+ DAN IA TIDAK MEMPERCAYAINYA KERANA TIDAK DISERTAKAN DENGAN BUKTI+.

SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PERHIMPUNAN BERSAMA RAKYAT DI SEKOLAH MENENGAH CHANGLON DI KEDAH PADA JUMAAT, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MEMPUNYAI PITA RAKAMAN UCAPAN TENGGU RAZALEIGH YANG MENYEBUT SEMANGAT 46 AKAN +MEMBUNUH+ PAS JIKA IA (SEMANGAT 46) MEMENANGI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG. -- LAGI
1805MST 23 09 90

D950

U 8009 AAB MEX
MAHATHIR - PITA 2 KUALA LUMPUR

DITANYA SAMA ADA BUKTI ITU AKAN DITUNJUKKAN KEPADA ORANG RAMAI, BELIAU BERKATA, +TUNGGULAH+.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA TERPULANG KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA PAS UNTUK MEMPERCAYAI APA YANG DIDEDAHKANNYA ITU.

+KALAU TAK MAHU PERCAYA, ITU TAK APALAH...APA KITA BOLEH BUAT. KITA CUMA MENYAMPAIKAN MAKLUMAT SAHAJA,+ KATANYA.

DITANYA TENTANG LAPORAN JAWATANKUASA KERJA YANG MENGAJI KUTIPAN TOL DI JALAN CHERAS, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, LAPORAN TERSEBUT AKAN DIBENTANGKAN OLEH MENTERI KERJA RAYA DATUK LEO MOGGIE PADA MESYUARAT MINGGUAN KABINET AKAN DATANG. -- LAGI
1806MST 23 09 90

D951

U 0010 AAB MEX .
MAHATHIR - PITA 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA AKAN HANYA MEMBUAT KEPUTUSAN BERHUBUNG KUTIPAN TOL DI CHERAS ITU SELEPAS MENDENGAR LAPORAN ITU.

KETIKA DITANYA KEMUNGKINAN KADAR TOL DI SITU AKAN DIKURANGKAN, BELIAU BERKATA, +SAYA TIDAK MAHU MEMBUAT JANGKAAN APA-APA. KITA HENDAK MENDENGAR LAPORAN ITU.+

DATUK MOGGIE PADA 14 SEPT LEPAS TELAH MENGUMUMKAN PEMBENTUKAN JAWATANKUASA KERJA ITU DAN MEMINTANYA MENGEMUKAKAN CADANGAN MENGATASI MASALAH BERHUBUNG KUTIPAN TOL DALAM MASA 10 HARI. TEMPOH ITU BERAKHIR HARI INI. -- BERNAMA
1807MST 23 09 90